

## TERMA DAN SYARAT UNTUK AMBANK@WORK BAGI PEKERJA

**PERINGATAN:** Pelanggan AmBank@work (seperti yang ditakrifkan) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat dan/atau terma dan syarat yang dikemas kini (jika ada) di bawah yang boleh didapati di [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my). Jika Pelanggan AmBank@work tidak memahami mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di sini, Pelanggan AmBank@work dinasihatkan untuk hubungi dan berbincang dengan mana-mana wakil Bank yang diberi kuasa.

### 1 Definisi

1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, kata dan ungkapan berikut mempunyai makna yang diberikan kepadanya kecuali jika konteksnya menghendaki sebaliknya:

**“Kumpulan AmBank”** bermaksud semua syarikat dan syarikat bersekutu yang berkaitan dengan Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sudah wujud pada masa ini atau pada masa akan datang dan rujukan kepada ‘Kumpulan AmBank’ dalam terma dan syarat ini akan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

**“Bank”** merujuk kepada AmBank (M) Berhad [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)], dan AmBank Islamic Berhad (‘**AmBank Islamic**’) [Registration No.: 199401009897 (295576-U)], syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

**“Pelanggan AmBank@work”** bermaksud individu yang membuka Akaun Gaji dengan AmBank untuk tujuan pengkreditan gaji dan majikannya telah melanggani *AmBank@work Payroll Solutions*.

**“Akaun Gaji”** bermaksud Akaun Semasa/ Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/ Akaun Simpanan-i yang dikekalkan dengan Bank untuk tujuan pengkreditan gaji. Gaji haruslah dikreditkan melalui *AmBank@work Payroll Solutions*, iaitu E-AmBiz, AutoPay, AmAccessCorp atau AmAccessBiz.

**“AmBank@work Payroll Solutions”** bermaksud penyelesaian gaji berdasarkan web yang ditawarkan oleh AmBank kepada majikan untuk tujuan pemprosesan gaji.

**“Keistimewaan AmBank@work”** atau **“Keistimewaan”** bermaksud faedah dan ganjaran yang ditawarkan kepada Pelanggan AmBank@work di bawah Terma dan Syarat AmBank@work, atau yang ditawarkan oleh AmBank dari masa ke masa, terhad untuk Pelanggan AmBank@work.

**“Notis Terdahulu”** merujuk kepada notis oleh Bank berkenaan fakta tertentu atau berkenaan sesuatu keadaan yang tertentu dalam tempoh sekurang-kurangnya lima (5) hari kalender.

**“Perbadanan Bersekutu”** mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, yang mana berkenaan. **“Syarikat Yang Berkaitan”** pula mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 6 Akta Syarikat 2016.

- 1.2 Perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan yang merujuk kepada kata satu hendaklah juga merangkumi bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neuter.

## 2 Kelayakan untuk Keistimewaan AmBank@work

- 2.1 Keistimewaan AmBank@work dibuka kepada Pelanggan AmBank@work yang telah membuka Akaun Gaji dengan Bank untuk tujuan pengkreditan gaji dan majikannya telah melanggani AmBank@work Payroll Solutions.
- 2.2 Rekod Bank Pelanggan AmBank@work yang layak akan dianggap muktamad dan konklusif.

## 3 Keistimewaan AmBank@work

- 3.1 Bank, pada bila-bila masa, dan dari masa ke masa dengan Notis Terdahulu, boleh memperkenalkan manfaat, ganjaran, produk, atau perkhidmatan baru kepada Pelanggan AmBank@work, yang boleh didapati di <https://www.ambankgroup.com/AmBankWork>.
- 3.2 Terma dan Syarat AmBank@work yang tertakluk di sini, haruslah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat produk atau perkhidmatan yang berkenaan yang dimohon oleh Pelanggan AmBank@work.
- 3.3 Bank berhak untuk menyemak semula, menggantung, membatalkan, menamatkan atau menarik balik Keistimewaan AmBank@work dalam keseluruhan atau sebahagiannya dengan memberikan Pelanggan AmBank@work Notis Terdahulu. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang semakan semula, penggantungan, pembatalan, penamatkan, atau penarikan balik semua atau sebahagian Keistimewaan AmBank@work tidak akan melayakkan Pelanggan AmBank@work dan/atau sesiapa orang kepada sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan AmBank@work dan/atau sesiapa orang secara langsung atau tidak langsung akibat daripada tindakan semakan semula, penggantungan, pembatalan, penamatkan, atau penarikan balik.
- 3.4 Pelanggan AmBank@work akan layak untuk manfaat dan ganjaran berikut:

Produk/Perkhidmatan	Manfaat/Ganjaran
---------------------	------------------

Deposit / Deposit-i	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Sehingga 6.25% setahun dengan Akaun TRUE Savers / TRUE Savers-i</b> Simpan, belanja, bayar, melabur atau menginsurasi untuk memperoleh kadar bonus.</li> <li>• <b>Tiada deposit permulaan</b> Tiada deposit permulaan diperlukan semasa pembukaan akaun untuk tujuan pengkreditan gaji.</li> <li>• <b>Kadar Deposit Tetap/Deposit Bertempoh-i Ekslusif</b> Tawaran Deposit Tetap/Deposit Bertempoh-i untuk Pelanggan AmBank@work.</li> <li>• <b>3 x Percuma Pengeluaran ATM MEPS</b> 3 kali percuma pengeluaran MEPS sebulan untuk Akaun TRUE Savers / TRUE Savers-i dan Akaun Simpanan-i AmWafeeq. Pengeluaran selepas itu akan dikenakan RM1.00 setiap transaksi.</li> <li>• <b>Pengecualian Yuran Pengeluaran Kad Debit</b> Yuran pengeluaran untuk Kad Debit dikecualikan untuk Pelanggan AmBank@work.</li> <li>• <b>Sertai Kempen Akaun Semasa/Simpanan / Semasa-i/Simpanan-i AmBank</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Cabutan Bertuah Istimewa – Kempen AmRewards dengan Akaun Simpanan-i AmWafeeq. Tertakluk kepada Terma dan Syarat, layari <a href="https://www.ambank.com.my/promotions/amrewards-5">https://www.ambank.com.my/promotions/amrewards-5</a></li> </ul> </li> </ul>
Pinjaman Perumahan / Pembiayaan Perumahan-i	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keperluan dokumentasi pendapatan dipermudahkan untuk permohonan pinjaman / pembiayaan-i.</li> <li>• Kadar keutamaan untuk Pelanggan AmBank@work serendah 3.90% setahun. Tertakluk kepada penilaian kredit Pelanggan AmBank@work dan kelulusan Bank.</li> </ul>
Pinjaman Sewa Beli / Pembiayaan Sewa Beli Kenderaan-i	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keperluan dokumentasi pendapatan dipermudahkan untuk permohonan pinjaman / pembiayaan-i.</li> <li>• Kadar keutamaan untuk Pelanggan AmBank@work serendah 2.45% setahun. Tertakluk kepada penilaian kredit Pelanggan AmBank@work dan kelulusan Bank.</li> </ul>
AmMoneyLine/ AmMoneyLine-i	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keperluan dokumentasi pendapatan dipermudahkan untuk permohonan pinjaman / pembiayaan-i.</li> <li>• Kadar keutamaan untuk Pelanggan AmBank@work serendah 7.99% setahun. Tertakluk kepada penilaian kredit Pelanggan AmBank@work dan kelulusan Bank.</li> </ul>
Pembiayaan Terma bergadai sijil ASB/ASB2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keperluan dokumentasi pendapatan dipermudahkan untuk permohonan pinjaman / pembiayaan-i.</li> </ul>
Kad Kredit/Kad Kredit-i	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keperluan dokumentasi pendapatan dipermudahkan untuk permohonan kad kredit/kad kredit-i.</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>Yuran tahunan dikecualikan untuk kad kredit/kad kredit-i tertentu.</li> <li>Nikmati Had Kredit sehingga 5x gaji.</li> <li>Peroleh mata Enrich untuk menebus tiket penerangan, dengan Kad Kredit AmBank Enrich Visa.</li> <li>Akses ke Plaza Premium Lounge untuk kad kredit/kad kredit-i tertentu.</li> </ul>
Pelaburan Unit Amanah*	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nikmati 1% caj jualan untuk pelaburan <i>Unit Trust / Shariah Compliant Unit Trust</i> (“UT”) kali pertama yang dilakukan di cawangan AmBank/AmBank Islamik.</li> <li>Nilai pelaburan minimum: Mengikut Helaian Sorotan Produk (PHS)/Prospektus/Memorandum Maklumat dana masing-masing</li> <li>Nilai pelaburan maksimum: Dihadkan pada RM50,000.</li> <li>Dana UT yang mengambil bahagian merujuk kepada semua dana UT dalam kelas mata wang MYR tidak termasuk dana ASNBV, dana <i>Close-Ended</i>, Skim Persaraan Swasta (PRS), KWSP, dana UT dalam kelas mata wang asing dan dana UT dengan caj jualan asal di bawah 1% caj jualan.</li> </ul>
Bankansurans	<ul style="list-style-type: none"> <li>Percuma perlindungan Kemalangan Diri insuran bernilai RM5,000. Terhad kepada 50,000 pelanggan gaji baru. Terma dan Syarat di <a href="https://www.ambank.com.my/payroll-gpa">https://www.ambank.com.my/payroll-gpa</a></li> </ul>
Pertukaran Asing (FOREX)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar keutamaan untuk Pelanggan AmBank@work.</li> </ul>

\* Unit Amanah/Unit Amanah Patuh Syariah dianggap sebagai produk pelaburan dan bukan obligasi, dijamin atau diinsuranskan/dilindungi oleh bank dan tertakluk kepada risiko pelaburan (cth. risiko pasaran, risiko mata wang dan risiko kredit pengeluar) termasuk kemungkinan kehilangan jumlah prinsipal yang dilaburkan. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan dokumen berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada prospektus atau memorandum maklumat dan helaian sorotan produk sebelum melabur. Pelabur juga harus mempertimbangkan semua yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan juga naik; di mana prestasi lepas bukan jaminan dan bukan petunjuk prestasi masa hadapan. Pelabur harus mempertimbangkan dengan teliti sama ada pandangan pelaburan atau produk pelaburan adalah sesuai memandangkan pengalaman pelaburan mereka sendiri, objektif, sumber kewangan dan keadaan yang berkaitan.

#### 4 Penamatian dan Penggantungan

4.1 Bank merizabkan hak untuk menamatkan status individu sebagai Pelanggan AmBank@work dan/atau menggantungkan dan/atau menamatkan secara keseluruhan atau sebahagiannya Keistimewaan AmBank@work sekiranya berlaku mana-mana kejadian berikut:

- Peletakan jawatan, penamatian, atau pemberhentian pekerjaan Pelanggan AmBank@work mengakibatkan pemberhentian pengkreditan gaji bulanan;
- Pemberhentian gaji bulanan yang dikreditkan ke dalam Akaun Gaji Pelanggan AmBank@work
- Penarikbalikan oleh majikan Pelanggan AmBank@work daripada “AmBank@work Payroll Solutions”, mengakibatkan pemberhentian pengkreditan gaji bulanan;

- d) Bank mempunyai sebab untuk mempercayai Pelanggan AmBank@work telah memberikan informasi yang tidak benar atau bertindak secara mencurigakan, curang atau salah dalam apa cara sekalipun semasa proses kemasukan atau pada bila-bila masa sepanjang tempoh sebagai Pelanggan AmBank@work.
  - e) Pelanggan AmBank@work memungkiri mana-mana Terma dan Syarat, atau undang-undang, undang-undang kecil, atau keperluan peraturan kawal selia.
- 4.2 Walau bagaimanapun Klausa 4.1, Bank merizabkan hak untuk menggantung, menamatkan, menolak atau menghentikan kelayakan Pelanggan AmBank@work untuk Keistimewaan AmBank@work, dengan Notis Terdahulu.
- 4.3 Berikutan penamatan yang dinyatakan dalam Klausa 4.1 dan 4.2, Pelanggan AmBank@work akan berhenti menikmati manfaat daripada Keistimewaan AmBank@work berkuat kuasa serta-merta.

## 5 Terma dan Syarat Umum

- 5.1 Penggunaan Keistimewaan AmBank@work oleh Pelanggan AmBank@work akan dianggap sebagai penerimaannya Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini. Pelanggan AmBank@work juga bersetuju dan membenarkan data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh AmBank menurut Penyata Privasi AmBank, yang boleh didapati di laman web Bank di [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my) (“Notis Privasi”).
- 5.2 Sebagai tambahan dan tanpa prejudis kepada Notis Privasi, melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Borang Pembukaan Akaun, Pelanggan AmBank@work juga bersetuju dan membenarkan butiran tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat yang dikumpul, diproses dan digunakan oleh Bank untuk tujuan menawarkan Keistimewaan AmBank@work kepada Pelanggan AmBank@work, dan untuk aktiviti pemasaran dan promosi.
- 5.3 Sebarang notis yang dikeluarkan oleh Bank akan disiarkan di laman web rasmi Bank di [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my) atau dipaparkan dalam cawangan, dan sebarang notis akan dianggap telah diberikan apabila disiarkan di laman web rasminya atau cawangannya, yang mana lebih awal.
- 5.4 Bank tidak bertanggungjawab ke atas kerugian atau kerosakan yang dialami, seperti kehilangan pendapatan atau keuntungan, atau sebarang kerosakan tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, hukuman atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, yang timbul daripada atau berkaitan dengan AmBank@work, simpan dan berkecualian di mana kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan secara langsung oleh kecuaian, kemungkiran sengaja atau penipuan Bank.
- 5.5 Setakat yang diizinkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan AmBank@work apabila berlaku peristiwa “Force Majeure” merujuk kepada kejadian dan/atau keadaan yang tidak terduga yang tidak berada dalam kawalan Bank yang

wajar, yang tidak dapat dicegah, dihindari atau dihapuskan oleh Bank termasuklah bencana alam seperti banjir, taufan, rebut, badai, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, penenggelaman atau penenggelaman tanah atau bumi atau tindakan pergolakan awam seperti mogok, penguncian, gangguan industry, rusuhan, pererangan, yang masing-masing berada di luar kawalan mana-mana pihak atau peristiwa, keadaan lain atau keadaan yang serupa dengan yang mungkin diklasifikasikan sebagai "Force Majeure" oleh Bank dari semasa ke semasa.

- 5.6 Semua persoalan mengenai pembinaan, kesahihan, penguatkuasaan dan penafsiran terma dan syarat yang ditetapkan di sini harus diatur, ditafsirkan dan dikuatkuasakan sesuai dengan undang-undang Malaysia. Para pihak dengan ini tunduk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia untuk tujuan tuntutan, tindakan atau proses lain yang timbul dari atau berdasarkan terma dan syarat di sini.
- 5.7 Versi Bahasa Inggeris terma dan syarat ini juga terdapat di [www.ambank.com.my/AmBankWork](http://www.ambank.com.my/AmBankWork).
- 5.8 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas berkaitan AmBank@work, Pelanggan AmBank@work boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank yang beroperasi setiap hari ditalian 03-2178 8888 dari 7.00 pagi hingga 11.00 malam, Isnin hingga Ahad atau e-mel ke [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com).